

Bil	Aset	Kapasiti (Liter)	Jumlah Aset (Unit)
1	Lori Tangki Air	5,600	82
2	Lori Tangki Jumbo	35,000	2
3	Tangki Statik	1,893	461
4	Tangki Statik	2,271	177
5	Tangki Statik	3,785	9

Berdasarkan peruntukkan CAPEX 2019, Air Selangor telah membuat pembelian penggantian lori tangki air baru berkapasiti 5,600 liter sebanyak 3 unit dan diterima pada Oktober 2020. Manakala melalui bajet CAPEX 2020, Air Selangor telah membuat pembelian sebanyak 10 buah lori tangki air berkapasiti 10,000 liter dan dianggarkan mula diterima pada pertengahan tahun 2021. Air Selangor juga telah memeteraikan Framework Agreement Services of Rental of Jumbo Tanker for Air Selangor – 40,000 Liter dengan 4 pembekal lori jumbo untuk penyediaan lori secara kecemasan dengan kapasiti sehingga 40,000 liter setiap satu lori tangki jumbo. Air Selangor telah merangka perancangan untuk penggantian atau penambahan (bergantung kepada keperluan semasa) lori tangki air untuk tahun 2021 sehingga 2022 (OP1) sebanyak 10 unit lagi yang berkapasiti 10,000 liter setiap satu. Selain itu, program penggantian kenderaan termasuk lori-lori tangki ini telah termasuk dalam Pelan Perniagaan 30 Tahun syarikat melibatkan anggaran kos sebanyak RM251.3Juta.